



TEKAD TINGGI: (Dari kiri) Encik Tong, Cik Yusrina dan Dr Pillai gigih berlatih demi menakluk ketinggian Gunung Everest. – Foto NTU

Berkobar mahu kibar bendera Singapura di Everest

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

PERTAMA kali beliau mendaki Gunung Everest dua tahun lalu, Cik Nur Yusrina Ya'akob pulang dengan trauma dan perasaan pilu tidak dapat sampai ke puncak gunung tertinggi dunia itu.

Apakan tidak, ekspedisi Cik Yusrina dan kumpulannya terpaksa dibatalkan secara mendadak disebabkan gempa bumi yang menggoncang Nepal pada 2015.

Beliau merupakan pemimpin bersama pasukan SG50 yang terpaksa membatalkan pendakian mereka setelah berada di Kem 1 – di ketinggian sekitar 5,500 meter. Pendakian itu bertujuan meraikan Jubli Emas Singapura tahun itu.

Pengalaman yang dilaluinya itu bukan sahaja mengecewakan, malah meninggalkan kesan cukup teruk pada diri Cik Yusrina, 30 tahun. Beliau akur trauma memikirkan kejadian tersebut.

“Apabila gempa bumi itu berlaku, kami dapat merasakannya di kem kami. Runtuhan salji menjejaskan kami dan bunyinya teramat kuat. Dalam penurunan kami, mayat-mayat yang saya lihat... itu se-

mua menjejaskan saya dan saya trauma ketika itu,” katanya.

Namun, dengan azam baru dan keinginan kuat menakluki gunung tersebut, Cik Yusrina mendekati seorang temannya yang juga mahu mendaki Gunung Everest agar melakukannya bersama. Mereka juga berjaya mendapatkan pendermaan mereka membentuk satu pasukan.

Pasukan itu merangkumi Dr Arjunan Saravana Pillai, 47 tahun, felo pengajaran daripada Institut Pendidikan Nasional (NIE) di Universiti Teknologi Nanyang (NTU); Cik Nur Yusrina, seorang guru pelatih yang mengikuti program Diploma Lulusan Ijazah dalam Pendidikan Jasmani di NIE; dan Encik Jeremy Tong, 26 tahun, graduan program Sains Sukan dan Pengurusan NTU.

Untuk membiayai ekspedisi mereka yang disokong NTU dan NIE, ketiga-tiga mereka telah mengumpul lebih \$ 150,000. Sebahagian besar perbelanjaan itu adalah bagi pakej ekspedisi dan kelengkapan peribadi.

Sebagai sebahagian persediaan, pasukan itu berbincah dengan warga Singapura lain yang pernah mendaki Everest. Ini termasuk En-

cik David Lim yang mengetuai ekspedisi Singapura pertama yang sampai ke puncak Everest pada Mei 1998 serta pasukan Everest Wanita Singapura.

Encik Tong berkata: “Kami juga berlatih sepanjang tahun lalu, termasuk berlari dua tiga jam di Bukit Timah dan blok perumahan bertingkat tinggi. Kami juga melakukan senaman kekuatan dan kecergasan kami sendiri, dan memanjat batu untuk meningkatkan kemahiran teknikal kami.”

Gunung Everest juga dikenali sebagai ‘Death Zone’ atau Zon Maut dengan pendaki sering mengalami penyakit ketinggian kerana tahap oksigen tidak mencukupi.

Pasukan Everest NTU-NIE Singapura itu bakal bertolak Ahad ini bagi ekspedisi yang dijangka mengambil masa sekitar dua bulan.

“Saya mahu habiskan apa yang saya sudah mulakan (dua tahun lalu). Mendaki gunung membuat saya rasa sangat kerdil tetapi pada masa yang sama lebih dekat dengan Pencipta saya,” ujar Cik Yusrina, yang jika berjaya mendaki hingga ke puncak Everest, bakal menjadi wanita Melayu/ Islam Singapura pertama meraih pencapaian itu.